

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan Peguam Negara terdahulu, Tan Sri Tommy Thomas, antara lainnya, berkenaan institusi kehakiman seperti mana yang dilaporkan oleh media massa pada 28 Ogos 2021 dan sekiranya ya, sama ada RCI tersebut akan juga meliputi pendedahan oleh bekas Hakim Mahkamah Rayuan Hamid Sultan Abu Backer.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas Siasatan bagi membuat semakan dan kajian awal sebelum sebarang tindakan seterusnya diambil terhadap dakwaan bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dalam bukunya “My Story: Justice in the Wilderness” mengenai penyalahgunaan kuasa dalam isu pelantikan hakim, campur tangan badan eksekutif melampau dalam badan kehakiman, pendakwaan terpilih dan bersifat politik serta pelanggaran sumpah kerahsiaan.

Pasukan Petugas Khas Siasatan ini nanti akan dipengerusikan oleh seorang bekas Presiden Mahkamah Rayuan yang akan dilantik dalam masa terdekat. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara akan bertindak sebagai urus setia.

Sekian, terima kasih.